

# Mahathir desak negara-negara maju penuhi janji

RIO DE JANEIRO 12 Jun — Dato' Sri Mahathir Mohamad mendesak negara-negara maju memenuhi janji mereka untuk meningkatkan kadar Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA) ke tahap yang mereka sendiri persetujui.

Perdana Menteri berkata pada tahun-tahun 70-an, negara-negara maju bersepakat untuk menambah kadar ODA kepada tahap 0.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), tetapi gagal memenuhi persetujuan tersebut.

"Apa yang kita mahu ialah negara-negara maju itu menegaskan semula komitmen mereka untuk menambah kadar peratus ODA yang telah mereka persetujui dulu," ujarnya kepada para pemberita tempatan di sini semalam.

Perdana Menteri tiba di sini pagi Khamis untuk menghadiri Persidangan Alam Sekitar dan Pembangunan, Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNCED) yang akan memulakan mesyuarat peringkat tertinggi hari ini.

Katanya, sukar bagi men-



**GAMAL NASIR MOHD ALI**

Wakil Utusan Di Kemuncak Bumi Rio 3 - 14 Jun 1992

dapatkan komitmen dari negara-negara maju untuk membantu negara-negara membangun tanpa meletakkan sebarang angka peratus KDNK untuk ODA.

"Tanpa angka adalah menjadi lebih sukar untuk mendapatkan komitmen dari negara-negara maju, sebab itulah, penting bagi kita meletakkan satu angka berasaskan kepada peratus KDNK," tambah beliau.

Dr. Mahathir sekali lagi menegaskan bahawa Malaysia tidak menyokong penubuhan sebuah konvensyen perhutanan untuk masa ini kerana berpendapat, kenyataan mengenai prinsip-prinsip perhutanan perlu dipersetujui terlebih dahulu.

"Masa ini bukanlah masa untuk mengadakan sebuah konvensyen untuk mengurus hutan, tetapi apa yang diperlukan sekarang ialah

mewujudkan prinsip-prinsip bagaimana kita mahu mengurus hutan-hutan kita dengan bebas.

"Mungkin tiba satu masa nanti apabila sebuah konvensyen itu diperlukan, bagaimanapun tidaklah masa ini," katanya.

Beliau juga menegaskan bahawa jika negara-negara maju mahu sebuah konvensyen perhutanan, mereka perlu juga menyokong Konvensyen Perubahan Iklim.

Bagaimanapun, tambahnya, Konvensyen Perubahan Iklim yang ada sekarang sudahpun tidak bermakna lagi kerana mempunyai banyak kelemahan dan kekurangan.

Mengenai pertemuannya dengan Canselor Jerman, Helmut Kohl petang semalam, Perdana Menteri berkata, perbincangan mereka tertumpu kepada aspek-aspek politik antarabangsa semasa

serta soal-soal ekonomi dan alam sekitar.

Beliau memberitahu, kedua-dua mereka berkongsi pandangan bahawa negara ataupun individu tidak boleh membuat keuntungan daripada masalah kemerosotan alam sekitar.

"Sebaliknya, beliau mempunyai pendirian yang serupa dengan kita bahawa kita hendaklah berkerjasama serta berkongsi untuk masalah alam sekitar dan pembangunan," kata Dr. Mahathir.

Sehubungan itu, beliau membidas negara-negara maju yang cuba mengongkong kebebasan negara-negara yang demokratik di dalam perundingan peringkat antarabangsa.

"Dalam satu segi, mereka mahu melihat kita amalkan sistem demokrasi dan mereka sanggup pulas tangan kita agar menerima demokrasi.

"Tetapi dalam demokrasi antarabangsa, tidak ada satu negara satu undi, yang ada ialah siapa yang kuat. Jadi, adalah lebih baik bagi orang yang bercakap tentang demokrasi mengamalkan apa yang mereka laung-laungkan," tegasnya.